

Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Atas Talian 6%

Tempoh Kempen

Kempen Atas Talian 6% Hong Leong Bank Berhad (HLB) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 28 Mei 2018 dan tamat pada 30 Jun 2018, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat (“T & S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang termaktub ke atas Kempen (“T & S”) :-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu berwarganegara Malaysia (“Pelanggan”) yang:-
 - (a) Berumur di antara 21 sehingga 60 tahun;
 - (b) Bergaji tetap atau bekerja sendiri dengan pendapatan tahunan minima sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
 - (c) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i HLB (Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i)
 - (d) memohon untuk Pinjaman Peribadi HLB dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Ribu (RM150,000.00) (dimana kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB dirujuk sebagai “Kemudahan”) sepanjang Tempoh Kempen untuk tempoh pinjaman/pembiayaan iaitu dua hingga lima (2-5) tahun (“Tempoh Kemudahan”);
 - (e) Kemudahan dikeluarkan tidak lewat dari 31 Julai 2018.
 - (f) Permohonon untuk Kemudahan dibuat dan dihantar atas talian melalui laman sesawang www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my (“Laman Sesawang Bank”)

2. Untuk tujuan kempen ini, Pelanggan yang memenuhi semua kriteria di Fasal 1 di atas akan ditakrifkan sebagai “Pelanggan Layak”.

3. Yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:

- (a) Pelanggan yang telah/disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding muflis pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
- (b) Pelanggan yang dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
- (c) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak Bank.

Mekanik Kempen

4. Pelanggan Layak dengan Kemudahan yang diluluskan dalam Tempoh Kempen dan dikeluarkan tidak lewat dari 31 Julai 2018 akan dikenakan kadar faedah/keuntungan tetap iaitu 6% setahun dan tidak bergantung pada Tempoh Kemudahan atau Jumlah Kemudahan Diluluskan tertakluk pada fasal 1(d) diatas. Contoh kadar faedah/keuntungan tetap diilustrasi seperti jadual berikut:

Jadual 1: Caj Kadar Faedah/Keuntungan

Jumlah Kemudahan diluluskan*	Kadar Faedah/Keuntungan (% rata setahun)	Tempoh Kemudahan yang tersedia
RM5,000-RM250,000	6.00%	2-5 Tahun

Jadual 2: Ilustrasi Jumlah Faedah/Keuntungan yang dikenakan

Jumlah Kemudahan diluluskan(RM)*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun)	Jumlah Faedah/Keuntungan yang dibayar atas Tempoh Kemudahan (RM)	Ansuran Bulanan (RM)**
(a)	(b)	(c)	(d)=a*b*c	(e)=(a+d)/(b*12)
20,000	2	6.00%	2,400	933.33
50,000	2	6.00%	6,000	2333.33
100,000	2	6.00%	12,000	4,666.67
150,000	2	6.00%	18,000	7,000.00
200,000	2	6.00%	14,640	11,666.67

*0.5% daripada jumlah Kemudahan akan ditolak dari Kemudahan untuk duti setem yang dikenakan atas Kemudahan.

Kadar Faedah/Keuntungan efektif bergantung kepada Tempoh kemudahan/pembiayaan-i di antara 10.85% sehingga 11.33% untuk tempoh dari 2 hingga 5 tahun.

** Ansuran akan dibundarkan kepada RM5 yang terdekat.

Promosi Bonus Sambutan

5. Selain dari kadar faedah/keuntungan 6% setahun yang dinyatakan dalam fasal 4 di atas, 300 Pelanggan Layak pertama dengan jumlah minima yang diluluskan dan dikeluarkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) dan keatas sebelum 31 Julai (“Pelanggan Berjaya”) layak untuk menerima sebuah bonus RM100 tunai (“Bonus Sambutan”) yang akan dibayar ke akaun mereka (“Akaun Pembayaran”)

6. Bonus Sambutan akan dibayar ke Akaun Pembayaran Pelanggan Berjaya yang dinyatakan di dalam borang permohonan Kemudahan mereka. Oleh itu, adalah tanggungjawab Pelanggan Berjaya untuk memastikan mereka memberi maklumat Akaun Pembayaran yang terbaru, sah dan tepat kepada Bank.

7. Sebanyak 300 Bonus Sambutan akan diberikan sepanjang Tempoh Kempen berjumlah RM30,000, atas dasar siapa cepat dia dapat, kepada Pelanggan Layak yang telah memenuhi kriteria dalam fasal 1 dan fasal 5.

8. Bonus Sambutan adalah terhak pada satu(1) untuk setiap Pelanggan Layak tidak mengira jumlah permohonan Kemudahan yang dihantar dan diluluskan sepanjang Tempoh Kempen.

9. Pelanggan Berjaya akan menerima Bonus Sambutan dalam masa 60 hari dari akhir Tempoh Kempen (Tarikh Penghantaran”). Sekiranya Pelanggan Berjaya tidak menerima Bonus Sambutan, Pelanggan Berjaya harus memaklumkan pihak Bank dalam masa 30 hari dari Tempoh Penghantaran dalam bentuk lisan, kegagalan makluman, menyebabkan Pelanggan Layak dianggap telah menerima Bonus Sambutan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan untuk menerima Bonus Sambutan dan tidak akan mengganti atau memulangkan Bonus Sambutan lain kepada Pelanggan Berjaya.

AM

10. Dengan menyertai Kempen, pelanggan dengan ini mengaku:

- i. bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi Hong Leong dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong;
- ii. bersetuju untuk melayari Laman Sesawang Bank www.hlb.com.my or www.hlisb.com.my pada kadar yang kerap untuk menyemak T&S dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini tentang sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
- iii. bersetuju untuk memberikan semua dokumen yang berkenaan seperti yang diminta oleh Bank tepat pada masanya agar Kemudahan diluluskan dan dikeluarkan tidak lewat dari 31 Julai 2018 dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kemudahan tidak boleh dikeluarkan tidak lewat dari 31 Julai 2018 atas apa jua sebab;
- iv. bersetuju bahawa sebarang keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan) adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
- v. bersetuju bahawa Bank akan menggunakan alamat rumah atau tempat kerja yang terkini yang diberi oleh Pelanggan Berjaya di dalam sistem Bank, oleh itu, adalah tanggungjawab Pelanggan Berjaya untuk memberikan alamat surat-menyurat dan nombor telefon mudah alih yang terkini, sah dan tepat kepada pihak Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak Bank tidak dapat menelefon/menghubungi Pelanggan Berjaya atas apa-apa sebab sekalipun;
- vi. setuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen; dan
- vii. setuju dan mengakui bahawa Bonus Sambutan tidak boleh ditukarganti dengan sebarang jenis kredit atau apa-apa bentuk sekalipun.

11. Bank berhak untuk:

- i. Menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;

- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlakny;
- iii. menarik balik Bonus Sambutan jika terdapat sebarang ketidak patuhan kepada T & S yang tertera;
- iv. menukarganti Bonus Sambutan dengan hadiah alternatif yang mempunyai nilai setanding, mengikut budi-bicara mutlakny tanpa sebarang notis pemberitahuan; dan
- v. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen atas budi bicara mutlakny, dengan cara memaparkan di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

12. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat yang mengawalselia Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i, T&S spesifik di sini akan berkuat kuasa setakat percanggahan tersebut.

13. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan berkuat kuasa.

14. T&S yang terkandung di sini dikawalselia dan dibentuk berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

15. Perkataan yang menggambarkan satu jantina merujuk semua jantina lain dan perkataan-perkataan lain yang menandakan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.